

1983

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA) --DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN ADANYA KHABAR ANGIN YANG BERTIUP KENCANG KONONNYA BELIAU TELAH BERKAHWIN SEORANG LAGI DAN MEMPUNYAI ANAK DARI PERKAHWINAN ITU.

+BUKAN SAHAJA MENTERI KABINET SAYA YANG MENERIMA SASARAN SURAT LAYANG TETAPI SAYA JUGA TIDAK TERLEPAS DARI DAKWAAN KONONNYA SAYA BERKAHWIN LAGI DAN DAHLAH ITU, MENDAPAT ANAK PULA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA HARI INI.

SAMBIL GELAK KETAWA, PERDANA MENTERI MENEGASKAN DAKWAAN ITU TIDAK BENAR SAMA SEKALI KERANA +ANDA SEMUA TAHU, HIDUP SAYA INI PERGI PEJABAT DAN TERUS KE RUMAH SELEPAS PEJABAT DAN KALAU PERGI MANA-MANAPUN, DITEMANI OLEH ISTERI SAYA.+

+SAYA NI MACAM BELANGKAS, PERGI KE SINI KE SANA DENGAN ISTERI SAYA, KELUAR NEGERI PUN ISTERI SAYA IKUT DAN KALAU ORANG JEMPUT KE MANA-MANAPUN ISTERI SAYA PERGI,+

+JADI TAKKANLAH SAYA KAHWIN LAGI,+ TAMBAH BELIAU, DISAMBUUT DENGAN GELAK KETAWA PARA PEMBERITA. -- LAGI 1445/MB

MAHATHIR - KAHWIN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS UCAPANNYA DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO TENTANG ADANYA FITNAH YANG DISEBAR DARI SATU MULUT KE SATU MULUT DAN CERITA ITU BUKAN SAHAJA DISEBAR TETAPI DITOKOK TAMBAH.

+KALAU SUDAH BERKAHWIN, KONONNYA TELAH BERKAHWIN SATU DUA LAGI SERTA DENGAN CERITA YANG CUKUP DETAIL,+ TAMBAH BELIAU DENGAN GELAK-KETAWA PARA PERWAKILAN UMNO.

BELIAU LALU MENCERITAKAN PADA SATU MASA DULU, SEORANG MENTERI YANG AMAT KURUS TELAH BERTANDING DAN TERDENGARLAH CERITA BAHAWA MENTERI INI TELAH BERKAHWIN SEORANG LAGI.

+HARI INI MENTERI ITU TELAH BERSARA DAN TIDAK ADA CERITA LAGI. BAHKAN KITA TAHU CERITA ITU TIDAK BENAR,+ KATA BELIAU.

+BERITU JUGA DENGAN SEORANG MENTERI LAIN DARI NEGERI HANG TUAH. BERMACAM RISALAH DIEDAR. TETAPI HARI INI KITA SEMUA TAHU CERITA-CERITA ITU TIDAK BENAR SAMA SEKALI,+

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BOLEH MEMBERI BANYAK CONTOH LAGI YANG AKAN MEMBUATKAN PARA PERWAKILAN KETAWA TETAPI +WALAUPUN KITA TAHU BAHAWA CERITA DAHULU ADALAH FITNAH BELAKA, TETAPI KALAU ADA CERITA BARU, KITA TIDAK MENOLAK,+

+KITA TERIMA BULAT-BULAT DAN KITA TURUT MENGEDARKANNYA JUGA.+ -- LAGI 1455/MB

ICIC B573

MAHATHIR - KAHWIN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SURAT-SURAT LAYANG MENGHEBOHKAN TUDUHAN SEUMPAMA ITU MASIH LAGI BERLELUASA SEKARANG.

DITANYA SAMADA BELIAU MARAH DENGAN TUDUHAN KONONNYA BELIAU TELAH BERKAHWIN LAGI, PERDANA MENTERI BERKATA +TIDAK, KERANA SAYA TIDAK BUAT SEPERTI YANG DITUDUHKAN.+

BELIAU BERSELOROH BAHAWA BELIAU JUGA ADA MENDENGAR CERITA TENTANG CARA PEMBERITA TERLALU RAPAT DENGAN PARA MENTERI KABINET.

+SAYA DENGAR KONONNYA PEMBERITA TERLALU RAPATLAH, BAIK SANGATLAH, DUDUK DEKATLAH,+ DENGAN DISAMBUK DENGAN GELAK KETAWA SEKALI LAGI.

PERDANA MENTERI MEMINTA PERBUATAN MENJATUH-JATUHKAN ORANG ITU DIHENTIKAN MEMANDANGKAN ORANG YANG TERLIBAT TIDAK DAPAT MEMPERTAHANKAN DIRI MEREKA.

+TAKKANLAH MEREKA YANG DITUDUH TERLIBAT NAK BUAT PENGUMUMAN TERBUKA YANG MEREKA TIDAK BERBUAT SEPERTI YANG DITUDUH,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU KESAL KERANA PARA MENTERI YANG SERING KELUAR NEGERI ATAU MENJALANKAN URUSAN RASMI KERAJAAN YANG TIDAK DAPAT MEMBAWA ISTERI MASING-MASING DITUDUH MELAKUKAN PERBUATAN SUMBANG. -- BERNAMA
1459/MB